Yen Ni baru pulang dari sekolah. Dia tidak sabar mahu mengikut bapanya *beriadah* di taman permainan. Yen Ni ingin bermain badminton bersama-sama Fanly. Dia sudah berjanji dengan Fanly untuk bertemu pada pukul 5:00 petang.

Ketika di taman permainan, bapa Yen Ni berjoging. Yen Ni dan Fanly juga tidak *melepaskan peluang* berjoging sebelum bermain badminton. Mereka dapat mengeluarkan peluh. Yen Ni dan Fanly tahu aktiviti tersebut memberi banyak kebaikan. Badan mereka akan menjadi cergas. Selain itu, Yen Ni dan Fanly dapat menghilangkan *stres*. Mereka juga dapat menghirup udara segar.

Celik Kata

1. beriadah – 休闲　2. melepaskan peluang – 错失机会　3. stres – 压力

1. Di manakah Yen Ni dan Fanly bermain badminton?
   A Stadium badminton　**B** Gelanggang bola
   C Taman permainan　**D** Halaman rumah

2. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Yen Ni dan Fanly?
   I Menunggang basikal　II Bermain badminton
   III Berjoging　IV Berenang
   A I dan II　**B** II dan III　**C** II dan IV　**D** III dan IV

3. Apakah kebaikan aktiviti riadah?
   A Menyihatkan badan
   B Melemahkan badan
   C Menghilangkan kegembiraan
   D Dapat membentuk disiplin diri

LIVEWORKSHEETS